

BAB 2:TATATERTIB SEKOLAH

2.1 Peraturan Berpakaian

2.1.1. Pakaian Seragam Sekolah

- a. Bagi pinafore, ia mestilah berwarna biru *turquoise*. Labuh skirt tidak boleh melebihi 2 inci (4 cm) di atas lutut.
- b. Skirt mestilah berbentuk A dan tidak ketat.
- c. Baju kurung berwarna putih dan kain sarung berwarna *turquoise* serta yang dibuat daripada kain kapas sahaja dibenarkan.
- d. Baju kurung mestilah mencecah lutut
- e. Lengan baju kurung tidak boleh dilipat kecuali waktu rehat.
- f. Baju kurung mesti sentiasa dikancing kecuali pada waktu rehat.
- g. Butang baju kurung mestilah kecil (1cm) ,butang cangkuk atau butang katup dibenarkan.Pin tidak boleh digunakan.
- h. Pelajar-pelajar yang memakai baju kurung mesti memakai '*camisole*' yang boleh diselit sepenuhnya ke dalam kain baju kurung.
- i. Baju dalam mestilah berwarna putih atau warna kulit.Baju dalam yang bercorak,berwarna-warni,pendek dan mencolok mata tidak dibenarkan.
- j. Pelajar-pelajar Tingkatan 6 tidak perlu memakai '*camisole*' jika pakaian dalam tidak kelihatan.

2.1.2. Tudung

- a. Tudung putih mestilah tidak bercorak,berukuran sehingga paras dada,berbentuk tiga segi dan tepinya tidak boleh berkerawang/berfesyen.
- b. Pelajar-pelajar yang memakai tudung mesti memakai anak tudung berwarna putih.

2.1.3. Kasut

- a. Kasut kanvas putih tanpa sebarang corak sahaja dibenarkan.
- b. Pelajar-pelajar tidak dibenarkan mengikat tali kasut mengelilingi pergelangan kaki,menganyam tali kasut dan memakai kasut '*high-cut*'.
- c. Ketinggian kasut tidak melebihi buku lali.
- d. Kasut dengan lining,mempunyai logo dan berzip tidak dibenarkan

2.1.4. Stokin

- a. Sarung kaki CBN sahaja dibenarkan dan perlu dilipat hingga ke paras buku lali.
- b. Pelajar-pelajar yang memakai baju kurung juga perlu memakai stokin CBN atau tidak perlu bersarung kaki.
- c. Stokin nilon tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran Pengetua.

2.1.5. Tanda nama/Tag nama

- a. Semua pelajar dari tingkatan satu hingga enam mesti memakai tanda nama pada setiap masa.
- b. Pelajar-pelajar yang belum mempunyai tanda nama,terlupa untuk membawa,kehilangan atau mempunyai tanda nama yang telah rosak perlu mendapatkan tanda nama sementara daripada pengawas.
- c. Tidak boleh saling menukar tag nama.

2.1.6. Lencana sekolah

- a. Mesti dipakai pada setiap masa dan perlu dijahitkan pada baju kurung atau pinafore di sebelah kiri dengan kemas.
- b. Semua pelajar(kecuali pelajar tingkatan 6 dan bekas pengawas)mesti memakai lencana kain.
- c. Bagi pelajar yang memakai tudung,jahitkan lencana pada tudung anda.

2.1.7. Tali leher

- a. Pelajar-pelajar tingkatan 6 yang memakai skirt dan blaus dikehendaki memakai tali leher semasa Perhimpunan pertama.
- b. Tali leher perlu dipakai secara kemas.

2.1.8. Pakaian Pendidikan Jasmani

- a. 'Track bottom' CBN atau 'track bottom' yang biru tua tanpa 'lining' dan butang di tepi sahaja dibenarkan.
- b. Seluar pendek berwarna hitam,putih dan biru dibenarkan dipakai.
- c. 'Cycling shorts' tidak dibenarkan.

2.1.9. Pakaian Kokurikulum

- a. Pakaian semasa menjalankan kegiatan sukan hendaklah mengikut 'Pakaian Pendidikan Jasmani'.
- b. Hanya kemeja-T sekolah, kemeja-T rumah dan kemeja-T 100 tahun CBN dibenarkan.
- c. Pakaian semasa menjalankan kegiatan persatuan ialah pakaian seragam sekolah,pakaian PJK atau pakaian yang dihasilkan oleh sesebuah kelab dengan kebenaran pihak sekolah.
- d. Pakaian seragam Pandu Puteri, PBSM, KRS dan Kadet Polis perlu dipakai pada setiap hari Jumaat.

2.10.1 Aktiviti Hari Sabtu dan Cuti Sekolah

- a. Hanya pakaian seragam sekolah atau T-shirt sekolah dan seluar panjang sahaja dibenarkan.
- b. Lencana sekolah mesti dipakai pada setiap masa

2.2 Tatatertib di dalam kelas

- 2.2.1 Pelajar-pelajar mesti sentiasa di dalam keadaan senyap,berdisiplin dan bersedia untuk belajar.
- 2.2.2 **Tidak boleh** makan dan minum di dalam kelas.
- 2.2.3 Keluar-masuk ke kelas dilarang sama sekali semasa ketiadaan guru.
- 2.2.4 Pelajar-pelajar mestilah saling menolong,menghormati dan bekerjasama dalam hal-hal yang berfaedah.
- 2.2.5 Pelajar-pelajar mestilah dijaga dengan baik dan perlulah bersih pada setiap masa.

2.3 Perhiasan Diri

2.3.1 Rambut

- a. Mesti kemas dan bersih
- b. **Tidak dibenarkan** mewarna,menginai atau menggunakan jel
- c. Rambut panjang melebihi paras bawah kolar baju hendaklah diikat dengan kemas.
- d. Rambut di bahagian hadapan tidak boleh menutup bulu kening.
- e. Potongan rambut tidak boleh mengikut fesyen semasa seperti punk style,berekor dan sebagainya.
- f. Hanya reben putih dan hitam sahaja dibenarkan.
- g. Reben bercorak tidak dibenarkan.Lebar reben tidak melebihi 2.5 cm.
- h. Hanya klip hitam atau putih sahaja dibenarkan.
- i. Lebar klip tidak melebihi 2cm dan panjang tidak melebihi 9cm.
- j. Maksima klip yang boleh dipakai adalah 6 dan mesti sama warna.
- k. '*Scrunchy*', '*Butterfly klip*', 'klip Buaya' dan '*hair band*' tidak boleh dipakai.
- l. Getah rambut,'*Banana klip*' dan klip biasa sahaja dibenarkan.

2.3.2 Kuku

- a. Pelajar-pelajar mesti berkuku pendek dan dilarang mewarnakan,menginai atau mengilatnya.
- b. Pelajar-pelajar Tingkatan 6 boleh menyimpan kuku panjang tidak melebihi 4mm (0.4cm).

2.3.3 Solek

- a. Penggunaan '*make-up*' adalah dilarang sama sekali.
- b. Hanya *baby powder* boleh dibawa ke sekolah.

2.3.4 Subang

- a. Subang emas dan silver sahaja dibenarkan.
- b. Ukuran subang tidak melebihi diameter 0.5cm.
- c. Subang yang sama mesti digunakan di kedua-dua belah telinga.
- d. Mesti dipakai di bahagian cuping telinga,di lubang pertama.

- e. Batu permata pada subang tidak dibenarkan.
- f. *Earstick* berwarna hitam atau putih sahaja dibenarkan.
- g. Subang berfesyen tidak dibenarkan. Subang plastik bercorak perlulah dalam warna hitam atau putih sahaja.
- h. Bagi subang berbentuk cincin, pensel 2B tidak boleh menembusnya.

2.3.5 Barang kemas

- a. Murid tidak dibenarkan memakai atau membawa barang kemas atau barang perhiasan ke sekolah.
- b. Pelajar yang memakai rantai atau gelang untuk tujuan keagamaan mesti mendapat kebenaran bertulis daripada Guru Kanan HEM atau Guru Disiplin.
- c. Pemakaian gelang besi bagi pelajar beragama Sikh dibenarkan.

2.3.6 Cermin mata

- a. Cermin mata gelap tidak dibenarkan.
- b. Pelajar yang memakai '*Tinted*' cermin mata perlu mempunyai surat pengesahan doktor dan perlu menyerahkannya kepada Guru Kanan HEM atau Guru Disiplin.

2.3.7 Jam Tangan

- a. Muka jam tangan tidak melebihi saiz pergelangan tangan.
- b. Hiasan yang keterlaluan pada jam tangan tidak dibenarkan.

2.3.8 '*Sweatshirts*', '*Jaket*' dan '*Cardigan*'

- a. Jaket dengan '*hood*' tidak dibenarkan.
- b. '*Sweatshirt*' dan *cardigan* dengan slogan yang tidak keterlaluan sahaja dibenarkan.
- c. '*Cardigan*' yang '*body-hugging*' tidak dibenarkan.
- d. Warna pada *sweatshirt*, *cardigan* dan jaket tidak boleh melebihi 3 warna. Logonya bersaiz kecil (5 x 4 cm).
- e. Para pelajar tidak dibenarkan memakai '*sweater*' pada perhimpunan rasmi dan waktu rehat.
- f. Panjang *sweatshirt* dan *cardigan* hanya sehingga paras pinggang dan tidak boleh mengikatnya di leher atau di pinggang untuk bergaya.

2.4 Barangan Larangan

2.4.1 Pelajar-pelajar tidak dibenarkan membawa:

- a. Barang-barang berharga seperti kamera (kecuali dengan kebenaran), 'pemain kaset', '*walkman*', 'compact disc' video persendirian dan '*handphone*'.
- b. *Liquid paper* dalam bentuk roller atau tiub, *pen floresen*, *spray paint*,

- i. correction sticker,highlighter(kecuali pelajar Tingkatan 6),semua jenis
- ii .marker(kecuali whiteboard marker untuk ketua tingkatan),dan '*chewing gum*'.
- c. Membawa sebarang bahan lucu,sama ada buku,majalah,poster dan lain-lain.
- d. Radio,pita video,CD,disket dan '*pen drive*' tanpa kebenaran guru.
- e. Rokok dan **DADAH** dilarang sama sekali.
- f. Membawa buku cerita Sweet Valley High,Sweet Valley University,Mills and Boon,Stephen King, Sidney Sheldon,Judith McNaughty,Creative Enterprise dan buku terbitan Alaf 21.
- g. Membawa permainan **berbentuk elektronik** seperti gameboy,board game,batu seremban dan yo-yo.Hanya catur dan scrabble sahaja dibenarkan.
- h. Pakaian biasa tidak boleh dibawa kecuali dengan kebenaran khas daripada Pengetua.
- i. Botol air mineral (hanya tupperware dibenarkan)
- j. Tidak dibenarkan memakai '*Friendship band*',menghias atau menconteng tangan.
- k. Pelajar tidak dibenarkan membawa wang yang banyak ke sekolah(minimum RM 10.00)

2.4.2: Barang rampasan seperti buku cerita,disket, 'CD' dan majalah boleh dituntut dengan membayar RM 5.00 berserta dengan surat daripada ibu bapa.

2.5 Kawasan Larangan

2.5.1: Kawasan larangan bagi para pelajar dalam kawasan sekolah:

- a. Pejabat kecuali dengan urusan rasmi.
- b. Padang dan kantin sekolah rendah serta pintu masuk dari Asrama Cahaya
- c. Bangunan Nazareth
- d. Pink Dorm(kecuali pelajar tingkatan 6)
- e. Red hall,White hall,surau (kecuali pelajar Islam untuk sembahyang),belakang perpustakaan.

- f. Bilik guru(kecuali dengan kebenaran guru)
- g. Bilik makmal Sains,Bilik Kecemerlangan Guru,Bilik Jahitan,Bilik Sukan,Bilik SPBT,Sains Rumahtangga, Bilik pendidikan Seni,Bilik Kaunseling,Bengkel Kemahiran Hidup,Bilik-bilik stor,Bilik Sakit dan Makmal Bestari,pentas dan dewan kecuali dengan kebenaran.
- h. Bilik pengetua,Tandas Guru dan bilik-bilik Peperiksaan.
- i. Kawasan sekolah rendah.
- j. Kantin sewaktu pelajaran/perhimpunan.
- k. Surau,kecuali untuk sembahyang dan untuk kegiatan agama yang diawasi guru.
- l. Tempat letak kereta guru.

2.5.2 Kawasan larangan di luar sekolah:

- a. Kompleks membeli belah dalam masa persekolahan dengan memakai pakaian seragam sekolah
- b. Selepas waktu persekolahan atas sebab yang munasabah,pelajar-pelajar dikehendaki mendapatkan kebenaran(pas)daripada Guru Disiplin untuk pergi ke pusat membeli belah
- c. Tempat-tempat lain yang tidak berfaedah kepada pelajar

2.6 Peraturan bagi pelajar lepasan STPM, SPM DAN PMR.

- a. Pelajar-pelajar dikehendaki menyimpan keratan keputusan dengan baik
- b. Apabila mengambil Sijil Berhenti Sekolah,pelajar hendaklah menandatangani di borang berkenaan.
- c. Perlu memakai pakaian sopan ketika datang ke sekolah untuk mengambil sijil atau berjumpa dengan guru.